

# 47 staf terima sumbangan Aidilfitri

Oleh: TUAN ZAIRANI TUAN AB. RAHMAN



Bersempena dengan Bulan Ramadan Al-Mubarak dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini, Badan Kebajikan & Sukan Staf (BKSS), Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengambil peluang menghulurkan sumbangan kepada 47 orang anggota keselamatan dan staf tunggu sedia Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta (JPPH) bagi menghagai jasa dan khidmat staf yang bertugas sewaktu staf lain bercuti raya .

Majlis diadakan pada 6 Oktober 2010 yang lalu bertempat di Dewan Bankuet, Kompleks Pentadbiran Utama, UMP.

Menurut pengerusi BKSS yang juga merupakan Pendaftar UMP, Tuan Haji Mustafa Ibrahim, setiap kali menjelang hari raya, semua orang akan bergembira untuk pulang ke kampung untuk berhari raya bersama keluarga dan sanak-saudara tetapi bagi anggota dan staf yang bertugas menjaga keselamatan dan kebajikan di kampus tidak dapat merasai kemeriahan di pagi hari raya seperti semua umat Islam yang lain.

"Justeru, sebagai menghargai jasa dan sumbangan staf yang bertugas, BKSS menyumbangkan kuih raya kepada golongan ini.

"Di samping menjalankan tugas yang diamanah kepada mereka, pengorbanan jiwa mereka dalam bersedia menjalankan tugas amalah besar dan memberi makna yang penuh erti bagi kami di BKSS.

"Kita patut berterima kasih dan bersyukur kerana kita semua dapat bergembira dan di kala itu mereka merasai kesyahduan apabila mendengar alunan takbir di pagi hari raya," ujar beliau.

BKSS juga buat pertama kalinya menyampaikan sumbangan kepada anak-anak yatim dan ibu/bapa tunggal yang berkhidmat di UMP.